

25 JUN 2001

Mahathir-Hakim

HAKIM CEMARKAN IMEJ MAHKAMAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Muhammad Kamil Awang telah mencemarkan imej mahkamah dengan mendedahkan bahawa beliau diarahkan oleh seorang pegawai atasannya untuk membatalkan tanpa perbicaraan dua petisyen pilihan raya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Oleh itu, sekarang kita ada masalah untuk mempercayai mahkamah kerana beliau (Muhammad Kamil) telah mencemarkan imej mahkamah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu persidangan mengenai ekonomi Islam di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata hakim itu juga sepatutnya menarik diri daripada mendengar petisyen itu.

"Hakim itu tahu sama ada beliau harus menarik diri. Apabila ada masalah itu, beliau sepatutnya beritahu serta-merta bahawa beliau telah dipanggil (oleh seorang hakim lain).

"Kerana kalau beliau takutkan ketuanya, beliau boleh melapor kepada saya," kata Dr Mahathir, yang mengulas buat pertama kalinya mengenai kontroversi itu yang dicituskan oleh pendedahan hakim itu dalam penghakimannya mengenai petisyen-petisyen itu di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 8 Jun lepas.

Muhammad Kamil membuat pendedahan itu semasa mengisytiharkan pemilihan bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee pada pilihan raya negeri 1999 sebagai batal dan tidak sah kerana daftar pemilih yang digunakan adalah haram dan Yong telah melakukan kesalahan mengikut Akta Pilihan Raya.

Dr Mahathir berkata hakim itu telah berjaya menyeret mahkamah ke dalam satu kontroversi umum.

"Saya perlu katakan bahawa saya kecewa dengan hakim itu selepas membaca apa sebenarnya yang telah berlaku.

"Dan buat pertama kalinya hakim itu telah memasukkan kekecewaan peribadinya, pada hakikatnya dalam penghakimannya, sesuatu yang tidak pernah dilakukan dalam sejarah mahkamah," kata beliau.

Muhammad Kamil dalam penghakimannya juga telah menyatakan bahawa banyak jabatan kerajaan tidak membalas surat-surat yang dikirimkan dan memberi dua contoh, satu yang melibatkan permohonan anak lelaki bagi mendapatkan permit kerja sementara di Sarawak manakala yang kedua anak perempuannya tidak menerima jawapan mengenai permohonannya mendapatkan biasiswa.

"Bagi seorang hakim yang menyatakan bahawa anak saya tidak mendapat layanan baik daripada kerajaan ini, adalah begitu jelas beliau merujuk kepada kerajaan ini," kata beliau.

Mengenai arahan yang menurut hakim itu diterimanya menerusi telefon, perdana menteri berkata: "Saya tidak pasti kerana perbualan telefon bukan mudah untuk diperiksa."

"Sama ada beliau sebenarnya diberitahu membuang kes itu atau tidak, saya tidak tahu tetapi nampaknya, beliau juga tidak dapat membuktikannya. Tetapi beliau telah berjaya menyeret mahkamah ke dalam satu kontroversi umum dengan menyatakan bahawa seorang hakim lain telah memintanya membuat satu keputusan yang tidak berapa betul."

Ditanya sama ada tindakan hakim itu telah mencemarkan imej mahkamah, perdana menteri berkata: "Ya, saya fikir begitu."

-- BERNAMA

HS AU NAK NMO